

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN TAHUN BARU 1988

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA, ANGKASAPURI

TARIKH: 31 DEC 1987

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya, dapat kita bersama-sama melangkah ke tahun baru 1988. Kita juga bersyukur kerana berbagai kejayaan telah kita capai, manakala cabaran-cabaran yang kita hadapi telah dapat kita atasi dengan jayanya, sepanjang tahun 1987.

2. Namun demikian sebelum kita memandang ke hadapan, marilah kita menoleh ke belakang untuk mendapat pengajaran dan panduan daripada peristiwa-peristiwa 1987. Tahun 1987 memperlihatkan berbagai peristiwa yang menekan dan mencabar. Setengah daripada peristiwa-peristiwa ini disebabkan oleh kita sendiri tetapi sebahagian besarnya disebabkan oleh tindak-tanduk dan sikap orang asing yang berada di luar daripada pengaruh kita.

3. Ekonomi negara dilanda kemelesetan kerana kejatuhan harga secara serentak semua bahan mentah yang kita eksport. Dengan itu pendapatan kita menurun dan pembangunan negara kita terjejas.

4. Sementara kurangnya permintaan terhadap bijih timah, umpamanya, menyebabkan lombong timah ditutup dan pekerja menganggur, pengurangan projek-projek kerana kelemahan kedudukan kewangan Kerajaan bukan sahaja menyebabkan pengangguran tetapi juga kurangnya permintaan terhadap bahan-bahan binaan dan bahan-bahan bekalan yang lain. Kontraktor dan peniaga serta pengusaha kecil dan besar mengalami kerugian. Pekerja juga, sama ada yang berjawatan tinggi atau buruh kasar, hilang punca pendapatan. Pekedai dan peniaga gerai makanan kehilangan pelanggan. Kenaikan gaji tidak boleh dilaksanakan. Pinjaman wang dan pembelian rumah dan kereta juga berkurangan. Hotel dan restoran kurang mendapat pelanggan. Pendek kata, kemelesetan ekonomi yang berlaku membawa kesan buruk kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia.

5. Dalam keadaan kemelesetan ini, terdapat orang-orang tertentu yang ingin menjadi kaya dengan serta-merta. Mereka mengalihkan kegiatan mereka kepada pasaran saham. Harga-harga saham naik dengan mendadak, dengan tidak

mengambil kira prestasi syarikat-syarikat yang sahamnya dijual di pasaran saham. Kejatuhan harga saham kerana peristiwa Pan-El, dilupakan. Pasaran saham sebagai tempat mendapat modal juga dilupakan sama sekali.

6. Kemudian pasaran saham dunia telah runtuh. Di New York, London, Paris, Hong Kong dan di tempat-tempat lain harga saham turun dengan mendadak dan beribu juta ringgit atau dolar dengan tiba-tiba hilang ghaib. Ada di antara pemain-pemain pasaran saham ini yang membunuh diri dan ada juga yang membunuh broker saham mereka.

7. Malaysia juga tidak terkecuali daripada bencana buatan manusia ini. Harga saham jatuh dengan teruk walaupun syarikat-syarikat berkenaan masih mencatat keuntungan yang baik. Ramai pemain saham sekali lagi dilanda kerugian yang amat teruk. Hutang bank tidak dapat dibayar. Harta terpaksa dijual. Masing-masing berlari-lari ke sana sini untuk mencari perlindungan.

8. Pada bulan Oktober, tanda-tanda ketegangan antara kaum yang meningkat telah dikesan. Apabila seorang askar mengamuk tanpa sebab, ini dianggap sebagai permulaan rusuhan kaum. Kuala Lumpur menjadi sunyi sepi apabila ramai daripada penduduknya berasa takut dan tidak berani keluar dari rumah masing-masing. Barang makanan dibeli dengan banyak kerana takut berlakunya kekurangan. Perniagaan yang lain terhenti dan kerugian dialami.

9. Akhirnya, Kerajaan terpaksa bertindak membatalkan segala perhimpunan dan menahan orang-orang yang menjadi punca ketegangan ini. Dengan itu ketenangan kembali semula dan kegiatan ekonomi pulih seperti sediakala. Rakyat berasa lega dan masyarakat tidak lagi menghadapi perhubungan yang tegang.

10. Di luar negeri, imej Malaysia sengaja diburuk-burukkan. Bahawa tindakan Kerajaan disambut baik oleh majoriti rakyat dan ketenangan kembali pulih, tidak dilaporkan. Menyedari bahawa Malaysia ingin mendapat pelaburan asing untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi mereka yang menganggur, akhbar-akhbar di luar negeri dan kumpulan-kumpulan serta individu-individu tertentu sengaja memberi gambaran yang buruk dan tidak benar mengenai keadaan di Malaysia. Kononnya rakyat Malaysia hidup dalam ketakutan. Kononnya orang-orang Kristian sering ditangkap. Kononnya demokrasi sudah tidak ada lagi di Malaysia. Tetapi, usaha-usaha golongan 'bully' ini tidak berjaya sepenuhnya. Malaysia masih mampu memulihkan dirinya.

11. Demikianlah tahun 1987 yang begitu mencabar. Potensi negara bertuah ini tidak dapat memulihkan ekonomi negara dengan cepat kerana sikap tidak bertanggungjawab dan sifat tamak golongan-golongan tertentu dalam masyarakat kita. Jika kita ingin tahun 1988 menjadi tahun yang lebih baik dan lebih bahagia, kita mestilah sekurang-kurangnya menentukan bahawa kita tidak melakukan atau kita mengurangkan perbuatan

yang akhirnya akan merugikan kita.

12. Bagi tujuan ini kita harus membuat resolusi tahun baru untuk tidak sengaja menyakitkan hati kaum-kaum yang ada di negara kita ini. Perkara-perkara yang kecil tidak harus diperbesar-besarkan, ditiup sehingga menyala. Perkara-perkara yang dianggap besar harus diselesaikan secara rundingan tertutup. Media massa bukanlah tempatnya untuk kita berhujah bagi menyelesaikan masalah.

13. Rakyat Malaysia tidak sepatutnya memburukkan imej negara sendiri di kalangan orang asing. Penuntut-penuntut yang berada di luar negeri, sama ada yang Islam atau tidak, tidak harus memperkatakan yang tidak benar dan memburukkan nama negara. Mereka harus ingat bahawa perbuatan mereka akan mengurangkan pelaburan asing di negara mereka sendiri. Dengan ini, peluang-peluang pekerjaan akan berkurangan dan mereka juga yang akan menjadi mangsa.

14. Penganggur pula harus membuat resolusi untuk sanggup bekerja dan tidak terlalu memilih. Sebenarnya, masih banyak peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negara kita. Jika tidak, kenapakah orang asing sanggup bersusah payah datang ke sini? Jika tidak, kenapakah laut kita dicerobohi?

15. Bagi yang sedang bekerja, utamakanlah produktiviti. Di antara negara-negara yang sedang membangun di Asia Tenggara, Malaysia mempunyai prestasi produktiviti yang terendah sekali. Kita bergantung hidup kepada hasil keluaran kita. Di zaman moden ini, persaingan tidak boleh dielakkan. Jika barangan kita mahal dan rendah mutunya, kita tidak akan berjaya menjual barangan kita. Dengan itu, perusahaan kita akan merosot dan bukan sahaja gaji tidak akan meningkat tetapi kita mungkin menganggur jika kilang dan estet kita tidak memperolehi keuntungan. Sekali lagi, pelabur-pelabur tidak akan melabur dan peluang-peluang pekerjaan bagi yang menganggur tidak akan wujud jika para pelabur mengetahui produktiviti pekerja-pekerja kita rendah.

16. Gaji mestilah ada kaitan dengan produktiviti kita. Gaji yang rendah tidak bermakna produktiviti meningkat jika hasil keluaran juga rendah. Demikian juga jika gaji tinggi. Produktiviti tidak menurun jika hasil kerja meningkat setanding dengan gaji. Akhirnya, yang akan menentukan tinggi atau rendahnya gaji bukanlah tuntutan atau ugutan. Yang menentukannya ialah keupayaan pihak yang membayar gaji. Dan keupayaan ini bergantung kepada larisnya penjualan kerana produktiviti yang tinggi bersama dengan mutu yang baik. Oleh itu, pekerja yang insaf mestilah berazam untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran pada tahun 1988.

17. Para pengurus juga perlu meningkatkan kecekapan mereka. Jika pengurus tidak cekap mengurus wang, alat dan tenaga manusia dalam perniagaannya, segala bantuan tidak akan menghasilkan produktiviti yang tinggi. Ada tanda-tanda yang menunjukkan prestasi pengurusan di Malaysia rendah. Oleh itu, para pengurus hendaklah berusaha meningkatkan kecekapan

mereka.

18. Spekulasi yang keterlaluan hendaklah dikurangkan, jika tidak dihentikan. Kita dapati bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh ramai daripada peniaga-peniaga kita adalah kerana mereka terlalu banyak membuat spekulasi terutamanya dalam pasaran saham. Apabila harga saham jatuh, maka mereka menghadapi masalah yang besar.

19. Pasaran saham bertujuan memberi tempat untuk mengumpulkan modal daripada orang awam bagi memula atau membesarkan perniagaan. Turun-naiknya harga saham sepatutnya ada kaitan dengan prestasi syarikat dan asset yang dimilikinya. Perbuatan menaik dan menurunkan harga saham tanpa mengambilkira prestasi syarikat, lambat-laun akan membawa bencana. Oleh yang demikian, eloklah jika mereka yang suka membuat spekulasi di pasaran saham mengurangkan kegiatan mereka, dan membuat resolusi menggunakan tenaga, masa dan fikiran mereka bagi menguruskan perniagaan yang sebenar.

20. Kerajaan juga sudah menentukan resolusinya. Kerajaan akan terus mengawasi perbelanjaan supaya pembaziran tidak berlaku agar perkembangan ekonomi dapat dipertingkatkan lagi. Kerajaan akan terus berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan pengangguran. Kerajaan akan lebih tegas dalam menentukan keamanan wujud dalam negara kita.

21. Pada tahun baru 1988 ini, kita berharap sebahagian besar daripada masalah kita dapat diatasi. Sementara kita berserah kepada Tuhan, kita tidak harus lupa bahawa serahan ini tidak bermakna kita boleh melepaskan tangan. Kita semua mestilah berusaha demi kepentingan negara yang kita cintai ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.